

# Dari Sebulan ke Sebulan

Sekalian orang Islam sekarang sedang berpuasa. Tiap-tiap mereka yang taat kepada agamanya adalah patuh kepada perintah-perintah berpuasa itu. Mereka menyucikan diri mereka daripada segala kekotoran sama ada kekotoran perkataan iaitu dengan menjauhkan mengeluarkan kata-kata yang kotor, begitu juga mereka menjauhkan makanan-makanan yang kotor sama ada pada asalnya, pada zatnya dan pada sifatnya. Mereka dalam bulan puasa ini lebih banyak mengabdikan diri dan membanyakkan ibadah serta menjauhkan maksiat. Mereka berusaha sedapat-dapatnya menjauhkan perkara-perkara maksiat. Begitulah sifat umat Muslimin yang soleh yang menggantungkan dirinya supaya dapat ia masuk dalam golongan orang yang bertakwa kepada Allah terutama pada bulan yang berbahagia ini – Ramaḍān al-Mubārak.

\* \* \*

Menurut suatu berita di dalam akhbar Inggeris A. Abdul Rahim Ishak. Menteri Muda Pelajaran telah “bermurah hati” menghantarkan beras, kurma dan sebagainya ke beberapa buah masjid yang terletak di dalam kawasan pilihan rayanya. Benda-benda itu ialah supaya digunakan untuk orang Islam berbuka puasa di masjid itu. Sekali imbas tentu daerah-daerah masjid dan orang yang berbuka di masjid berasa syukur dan gembira atas jasa baik beliau ini tetapi di dalam berita itu pula disebutkan bahawa barang-barang yang dihadiahkan kepada masjid itu untuk orang-orang Islam berbuka puasa adalah *fund* yang didapati daripada konsert yang diadakan di dalam daerah beliau. Bagi orang yang soleh tentu rasanya tercekik lehernya kerana di dalam usaha mereka mencari keredaan Allah dan mensucikan diri daripada syubhah di dalam bulan yang berbahagia ini. Hubaya-hubaya

kebaikan itu berilah barang yang baik pada asalnya dan pada zatnya.

\* \* \*

Dalam forum mengenai sebab-sebab pelajaran anak-anak Melayu mundur, Dr. Mahathir, di dalam menganjurkan kahwin campur menyindir dengan mengatakan mengapa Sayyid-sayyid tak boleh keluar dari *clicknya*. Mereka itu yang dijumpainya kebanyakan berdarah tinggi. Emak berdarah tinggi, bapa berdarah tinggi, dan anak-anaknya juga berdarah tinggi. Kalau istilah ini, istilah darah tinggi dipakai yang menjadi sebab supaya dicampurkan perkahwinannya supaya darah itu kurang tinggi, bagaimana pula campuran lain-lain bangsa. Perkara yang menghairankan mengapa di dalam kahwin campur ini dibawa-bawa perkara Sayyid. Padahal perkahwinan adalah bergantung kepada kesukaan keluarga sendiri – keluarga yang berkahwin dan Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri sendiri adalah kahwin orang Sayyid dan keluarga Sayyid dan banyak lagi yang demikian. Kalau kahwin campur dikehendaki untuk kecerdasannya<sup>1</sup>, lebih baik jangan ditinggalkan campur dengan darah Keling supaya putar belitnya banyak dan darah Cina supaya usahanya lebih dengan membujur lalu melintang patah dan dengan orang Eropah supaya stailnya lebih lagi – kenapa Sayyid saja disebut adakah ditujukan oleh Dr. Mahathir untuk membawa fitnah timbulnya perpecahan di dalam golongan umat Islam yang ertinya Melayu menurut perlembagaan di Malaysia. Baik-baiklah hendaknya bercakap.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman, menurut seorang wartawan tempatan yang mengadakan temuramah dengan beliau di Alor Setar telah

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah kecerdasannya.

memberi amaran kepada adanya golongan-golongan Cina dari M.C. A. yang bertepuk tangan apabila mendengar siaran radio terhadap kemenangan tentera-tentera Komunis di Vietnam. Menurut Tengku golongan inilah yang hendak menjadikan negara kita sebahagian daripada negeri China yang ketiga. Golongan ini, menurut Tengku sangat kecil dan fikiran-fikiran yang disalurkan oleh mereka itu tidak diterima oleh orang-orang yang benar-benar merasakan diri mereka sebagai bangsa Malaysia.

Perkara yang demikian ini sememangnya perkara yang tidak patut dicuainya dan mungkin golongan ini membesar kerana sangat sulit bagi kita hendak hendak menjauhkan syak terhadap kepada golongan ini atas kecintaan mereka kepada negeri China sama ada Komunis atau Nasionalis dan kalau tidak berhati-hati mungkin kelak Malaysia namanya saja negara Malaysia tetapi umumnya diperintah oleh mereka itu. Sebab itu sewajarnya kita mesti berhati-hati dalam gerak-geri yang demikian ini apalagi membuat dasar “tersangat bermurah hati”. Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

\* \* \*

Setiasaha Jamiyah telah menyiarkan dengan megahnya akan banyaknya orang-orang yang bukan Islam memeluk agama Islam pada tahun ini. *Al-hamduli ‘Lāh!* Pelajaran juga diadakan untuk mereka itu dan yang datang belajar, sepanjang yang diketahui tidak lebih dari 20 orang. Usaha-usaha yang demikian memang baik tetapi hendaklah dilaksanakan ajarannya kepada mereka itu – tidak terbiar begitu sahaja; dan perhatian kepada orang-orang Islam sendiri janganlah dilengahkan – buatlah usaha-usaha menyedarkan mereka terhadap kewajipan-kewajipan agama terutamanya kepada pemuda-pemudanya yang bersemangat berapi-api tetapi tidak nampak mengerjakan sembahyang.

Orang-orang Islam di bandar Teluk Anson dikatakan telah berasa dukacita kerana pasar raya bernama Taman Hiburan

Antarabangsa telah dibenarkan bermain berhampiran dengan masjid di bandar itu di dalam bulan puasa ini selama sebulan. Peribadatan orang-orang di masjid itu tentulah terganggu dan telah wajar bagi Jabatan Agama Perak mengambil langkah kerana perbuatan-perbuatan yang sedemikian itu mungkin boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan apabila tidak diendahkan oleh yang berwajib kerana mungkin panas Ramaḍān itu akan menjadikan mereka bertindak sendiri – mudah-mudahan dapatlah perkara ini diurus dengan baik.

\* \* \*

Di dalam Majlis Seminar yang diadakan oleh Pemuda Jamiyah pada 27 Disember yang lalu Puan Hajah M. Siraj di antara lain-lain dikatakan telah berkata:

“Kita membaca Qur’an, ada yang membaca siang dan malam, ada yang membaca seminggu sekali dan ada pula yang membacanya di dalam majlis-majlis agama tetapi malangnya kebanyakannya tidak mengerti sama sekali apa makna ayat-ayat Qur’an yang suci itu.”

Sekali imbas ucapan ini ada benarnya tetapi tidaklah bermakna bahawa dengan tidak mengetahui makna Qur’an itu tidaklah boleh digalakkan orang-orang membaca al-Qur’ān itu adalah Kitab Allah, mengerti atau tidak mengerti mendapat pahala orang yang mengerjakannya apalagi kalau mengerti tentulah lebih besar lagi pahalanya dapat beramal dengannya. Perkara yang mendukacitakan mengapa orang-orang menimbulkan suatu pengertian kepada pemuda-pemuda “buat apa belajar membaca Qur’an, kalau tidak tahu maknanya.” Ini bertambah lagi kerana pemuda-pemuda kita sekarang sudah banyak yang tidak mengenal huruf Qur’an terutamanya yang berpelajaran Inggeris. Sepatutnya Hajah Puan Siraj menggalakkan orang membaca al-Qur’ān dan beramal membaca al-Qur’ān terutamanya

(Sambungan di muka 27)